

Bukan sekadar madu

Madu kelulut dipercayai kaya dengan khasiat, mampu jana pendapatan lumayan kepada pengusaha

AZLINA OTHMAN

Kelulut sering disamakan dengan spesies penyengat tetapi ia sebenarnya mempunyai nilai tinggi dalam pengeluaran madu berkualiti serta kaya dengan antioksidan dan mempunyai pelbagai khasiat selain berupaya mendatangkan pendapatan lumayan kepada para pengusahanya.

Dikatakan kandungan antioksidan yang terdapat dalam madu kelulut adalah empat hingga 10 kali ganda lebih berbanding dengan madu biasa.

Khasiat madu kelulut juga mampu memperlakhankan sel kanser selain pengambilannya setiap hari juga mampu mengawal kadar kolesterol dalam badan, anti diabetes serta meningkatkan daya imunisasi tubuh seorang dan sebagainya.

Ia diakui menerusi ujian demikian yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) dalam inisiatif untuk membangunkan standard madu kelulut sebagai memastikan ketulenananya serta penjenamaan sebagai Super Food pertama di peringkat antarabangsa.

Timbalan Pengarah (Perekam Makanan) yang juga Pegawai Penyelidik Prinsipal Mardi, Dr Suri Roowi berkata, pihaknya kini sedang giat mengumpulkan sampel spesies madu kelulut dari seluruh negara sejak dua bulan lalu.

"Saya telah menjalankan kajian mengenai madu kelulut ini sejak 2009 lagi dan kini penyelidikan lebih kepada standard, penjenamaan serta Super Food yang mana ia memerlukan kajian saintifik, testimoni serta penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Setakat ini, sebanyak 200 sampel madu kelulut telah diambil di seluruh negara dengan bantuan syarikat Trigonagold Marketing dan Persatuan Madu Kelulut di setiap negeri serta Universiti Malaysia Terengganu.

"Kita memerlukan kira-kira 100 sampel madu kelulut lagi yang mana tujuannya adalah untuk mengkaji kesan pengambilannya terhadap kesihatan dan kita harap ia mampu di siapkan sebelum Jun 2017," katanya kepada *Sinar Harian*.

Suri berkata, berbanding lebah yang hanya menghasilkan madu, kelulut begitu unik kerana mengeluarkan tiga produk madu iaitu bebolia madu, propolis dan pollen atau debunga.

"Tidak dinafikan industri madu kelulut mampu meraih pendapatan lumayan, bagaimanapun kita sangat komited untuk memastikan madu yang dihasilkan oleh penternak kelulut di negara ini benar-benar asli serta berkualiti dan memenuhi standard antarabangsa kerana ia boleh di eksport," katanya.

Ujarnya lagi, Mardi juga turut menawarkan kursus penternakan kelulut ini kepada orang ramai yang berminat untuk terlibat dengan industri tersebut secara serius yang membolehkan peserta menjadi penternak kelulut secara komersial.

Sasar satu tan madu kelulut

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Madu Kelulut Johor, Hazrulnizam Abu Bakar berkata, pertubuhan berkenaan yang diwujudkan sejak setahun lalu dan kini mempunyai seramai 82 ahli berdaftar di seluruh negeri menyasarkan pengeluaran madu kelulut minima satu tan menjelang 2021.

"Isu masalah keaslian madu ke-



Mohamed Romli (dua, kanan) menunjukkan madu kelulut yang dihasilkan di UTM kepada Suri (dua, kiri) dan Hazrulnizam (tiga, kiri).

lulut bukan sahaja dialami di negeri Johor; malah ia turut diperbincangkan oleh persatuan madu kelulut lain di negara ini dan kita turut menjalin hubungan baik bersama dengan persatuan madu kelulut seluruh negara untuk mengatasi masalah ini.

"Malah, kita turut rapat dengan agensi yang menyelidik madu kelulut ini di Johor termasuklah Mardi dalam soal pembangunan rekaan makanan, Institut Bio Produk Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang lebih kepada soal pembangunan produk kosmetik berkaitan kesihatan serta Universiti Tun Hussein Onn (UTHM).

"Ia bertujuan bersama membangunkan pelan strategik berkesan untuk meningkatkan pengeluaran madu kelulut ini sebagai produk berimpak tinggi untuk memastikan ia benar-benar berkualiti dan asli," katanya.

Hazrulnizam berkata, pihaknya turut menyasarkan pengeluaran madu kelulut mampu mencecah



Hazrulnizam (kanan) memberi sampel madu kelulut dari negeri Johor kepada Suri (kiri).

minima sebanyak satu tan menjelang lima tahun lagi.

"Dengan keupayaan yang ada setakat ini, kita hanya mampu menghasilkan sekitar 300 kilogram setiap bulan menerusi kira-kira 1,400 sarang kelulut yang mana ia hanya untuk pasaran bagi keperluan di Johor sahaja.

"Namun, di peringkat persatuan sentiasa menggalakkan mana-mana

pihak berminat untuk berkecimpung secara serius dalam bidang industri dan peluang tersebut boleh diperoleh menerusi penglibatan dalam kursus-kursus yang disediakan.

"Dalam masa terdekat ini, kita akan adakan kursus penternakan madu kelulut ini di Pekan Nenas, Pontian pada Sabtu ini dan kemudian dikuti di Ayer Merah, Mersing pada penghujung bulan ini," katanya.



Suri (tengah) bersama mereka yang hadir mendengar ceramah mengenai madu kelulut di UTM.